

*5 copy*

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

**BPT 482/3 - Penyakit Tanaman Tropika**

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Apakah hubungan penyakit bengkak cerana pada pokok durian dan penyakit jalur hitam di tapak tahan pada pokok getah. Huraikan kedua jenis penyakit ini dan langkah-langkah pengawalannya.  
(20 markah)
  
2. Namakan tiga spesies nematod perosak tanaman yang menyerang pokok padi dan huraikan mod serangan dan langkah-langkah kawalan salah satu daripada spesies nematod tersebut.  
(20 markah)
  
3. Namakan satu kompleks penyakit yang melibatkan kulat pada pokok pisang dan huraikan hubungan organisma-organisma yang terlibat di dalam kompleks penyakit tersebut.  
(20 markah)

[BPT 482]

4. Huraikan kepentingan ekonomi, simptomatologi dan pengawalan penyakit pada tebu dan kopi yang disebabkan oleh *Colletotrichum spp.*  
(20 markah)
  
5. Tulis satu ringkasan tentang status penyakit bunga-bungaan tropika dengan menekankan keadaan di Malaysia.  
(20 markah)
  
6. Bincangkan langkah-langkah kawalan dua jenis penyakit utama tanaman koko.  
(20 markah)

-ooooOooo-